

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

PLG - 410 Kaedah Mengajar Biologi II

Masa : [2 jam]

Jawab TIGA soalan sahaja. Soalan SATU mesti dijawab. DUA soalan lagi dipilih daripada soalan-soalan 2, 3 atau 4.

1. Sukatan Pelajaran KBSM Biologi (PPK, 1991, p.iv) menyebut bahawa

"segala aktiviti pembelajaran yang dirancang haruslah melibatkan pelajar secara aktif untuk menggalakkan pembentukan pemikiran analitis, kritis dan kreatif. ...aktiviti berpusatkan pelajar diutamakan untuk menggalakkan pelajar menyelesaikan masalah melalui usaha sendiri dan kaedah penemuan terancang."

Jelas dari ekstrak ini Sukatan Pelajaran KBSM Biologi menekankan pendekatan mengajar berpusatkan pelajar dan kaedah inkuiri, atau lebih tepat lagi kaedah penemuan terancang.

Terangkan bagaimanakah anda akan mengajar satu topik dari Sukatan Pelajaran KBSM Biologi supaya dapat memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam ekstrak di atas; iaitu pendekatan yang berpusatkan pelajar dan kaedah inkuiri.

Anda boleh pilih mana-mana topik dari Sukatan Pelajaran Tingkatan 4 atau 5 yang boleh diajar dalam dua waktu dubel (80 minit).

Terangkan dengan terperinci langkah-langkah pengajaran yang anda akan lakukan itu dan apakah yang anda harap akan dapat dicapai di akhir pelajaran nanti.

(40 markah)

...2/-

2. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan miskonsepsi?
- [b] Bagaimanakah guru dalam pengajarannya boleh menyebabkan miskonsepsi berlaku kepada pelajar-pelajar?
- [c] Berikan tiga cadangan bagaimana untuk membentuk konsepsi yang betul dalam pengajaran konsep-konsep biologi.

(30 markah)

3. Dengan memberikan contoh-contoh, bincangkan cara-cara bagaimana guru dapat memperkembangkan kemahiran berfikir dan proses sains dalam pelajaran biologi.

(30 markah)

4. Biologi ialah satu mata pelajaran yang amat penting dan harus dijadikan mata pelajaran teras untuk diambil oleh semua pelajar. Bincangkan pendapat ini, sama ada anda menyokong atau sebaliknya.

(30 markah)